

Al-Sama' Menurut Perspektif Ibn Arabi Dalam Nasyid Kontemporari: Satu Analisis Konseptual

Mazlina Parman, Mohd Hidris Shahri, Nurazmallail Marni

^aUniversiti Teknologi Malaysia, Malaysia

Email of corresponding author: idinafeaser@yahoo.com

Abstrak

Irama adalah cerminan rasa dan emosi yang dilalui oleh manusia. Bagi mendalami rasa yang disampaikan, individu perlu mengaplikasikan deria pendengarannya secara maksimum. Pendengaran atau *al-Sama'* bagi seseorang individu dengan individu lain adalah berbeza lantaran perspektif masing-masing terhadap lirik dan lagu yang didengar juga berbeza. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi konsep *al-Sama'* oleh Ibn Arabi terhadap nasyid kontemporari, dan menilai metafora cinta yang dicitrakan oleh lirik nasyid tersebut sebagai wahana pencapaian *al-Sama'* secara teori. Konsep *al-Sama'* daripada kitab *Futūhāt al-Makiyyah* karangan Ibn Arabi diteliti menggunakan kaedah analisis kandungan dan tematik. Melalui Teori Metafora Konseptual (TMK), tiga lirik nasyid diperhalusi untuk melihat keserasiannya dengan genre lagu bagi melahirkan *al-Sama'*. Hasil kajian mendapati bahawa peringkat tertinggi *al-Sama'* dicapai apabila metafora dalam lirik nasyid difahami dengan baik. Situasi ini juga didorong oleh pelbagai faktor seperti persekitaran mendengar dan kesediaan pendengar di samping motivasi dalaman dan juga luaran. Kesimpulannya, pencapaian tahap tertinggi *al-Sama'* tidaklah terikat dengan lirik dan lagu semata-mata tetapi kesediaan pendengar yang memberikan impak besar.

Kata kunci: *al-Sama'*; Metafora Konseptual; Nasyid Kontemporari; Ibn Arabi

1.0 Pengenalan

Manusia merentasi pelbagai budaya terdedah dengan muzik dan mempunyai keupayaan untuk memahami dan bertindak balas terhadap muzik yang didengarinya. Gubahan bunyi yang disusun dengan indah dan menyenangkan pasti menarik perhatian. Islam sendiri membenarkan umatnya mendengar muzik dan menikmatinya selagi ia menurut batasan yang ditetapkan oleh hukum syarak (Hanafi, Shahrudin dan al-Bakri, 2013) kerana fitrah manusia yang suka kepada keindahan.

Muzik mempunyai hubungan yang erat dengan budaya masyarakat Islam. Sebaik sahaja bayi dilahirkan, alunan azan dan iqamah didengarkan hinggalah saat kematiannya yang diiringi dengan alunan bacaan Surah Yaasin menunjukkan sentiasa ada irama-irama dalam kehidupan (Yusof dan Bidin, 2008; Upadhyay, et al., 2017). Hal ini menunjukkan pengaruh besar muzik dalam kehidupan kita sehingga menimbulkan persoalan sejauhmana muzik yang dinikmati dapat difahami dan dijadikan wasilah bagi mendekatkan diri dengan Allah dan membina kualiti iman seseorang.

Bagi memahami implikasi muzik terhadap pendengar, kajian ini cuba untuk mengaplikasikan konsep *al-Sama'* oleh Ibn Arabi dalam nasyid kontemporari dan menilai metafora cinta yang digunakan dalam nasyid tersebut sebagai wahana pencapaian *al-Sama'*.

2.0 *al-Sama'* dan Ibn Arabi

Muzik adalah salah satu media komunikasi audio yang digunakan oleh manusia untuk didengari oleh manusia lain (Revandhika, 2017). *al-Sama'* pula ialah proses mendengar muzik dan irama yang tidak terhad kepada mendengar muzik gubahan manusia tetapi meliputi apa-apa jenis bunyi yang dihasilkan di alam ini, seperti kicauan burung, hempasan ombak, tangisan anak kecil, ngauman singa, dan sebagainya yang boleh melahirkan metarasa (al-Sharqawi, 1987: pp.176; Ibn Arabi, 1999: pp. 548). al-Kindi (m.873M) selaku pelopor sekolah muzik pertama dalam Islam

dan muridnya al-Farabi (m.953M) telah menjelaskan isu *al-Sama'* menerusi kaca mata irama dan muzik (Miftah, 2011: pp.68). Hal yang sama turut dibincangkan oleh al-Mawsili (m. 873M) dan Ibn Sina (m.1037M) yang melihat irama lahir daripada proses mendengar gerakan kosmo melalui mata hati yang tulus (Wright, 2004).

Istilah ini turut digunakan oleh golongan sufi untuk mengindikasikan perjalanan kerohanian diri melalui minda dan rasa cinta ketuhanan (al-Sharqawi, 1987: pp.176-177). Hubungan irama dalam kosmos mengukuhkan lagi penggunaan *al-Sama'* sebagai cara untuk mendekati diri kepada Allah melalui deria pendengaran. Hubungan ini dilahirkan sama ada melalui pembacaan puisi, muzik, dan menari, atau keadaan yang menghasilkan inspirasi dan boleh dijelmakan (Mohammadi, 2017). Oleh itu, *al-Sama'* berlaku apabila seorang sufi mengalami perubahan keadaan kerohanian diri, iaitu apabila dia berada dalam satu keadaan rasa (al-wajd) yang membuatkan dirinya fana daripada hal keduniaan.

Metarasa yang dilalui oleh ahli sufi ketika proses *al-Sama'* menjadikannya sebagai satu wasilah dalam menyucikan jiwa yang berdosa, memperoleh ketenangan, jalan ke arah kebijaksanaan dan cinta (Mohammadi, 2017). Bersandarkan kepada kata "سميع عليم" (al-Quran, 24: 21) dan "سميع بصير" (al-Quran, 22: 61), Ibn Arabi menjelaskan bahawa Allah SWT telah mendahulukan pendengaran daripada ilmu dan penglihatan. Hal ini demikian kerana pendengaran adalah permulaan dalam pemerolehan sesuatu kebenaran (Ibn Arabi, 1999: jil. 3: pp.549).

Sebagai wasilah dalam *taqarrub billah*, *al-Sama'* perlu dilaksanakan mengikut tatacara berikut (Ibn Arabi, 1999: vol.3, pp.550-551; Mohammadi, 2017):

- 1) membersihkan hati daripada perkara-perkara maksiat dan melalaikan
- 2) mengenal kedudukan diri
- 3) melaksanakan proses *al-Sama'* seperti perjalanan kerohanian kepada Tuhan
- 4) dilakukan dengan bermaruah dan rasa hormat
- 5) pelaksanaan *al-Sama'* bermula dengan rasa kasih sayang dan cinta
- 6) tidak melakukan *al-Sama'* apabila diri didominasi dengan nafsu
- 7) dipenuhi dengan keikhlasan untuk beribadah
- 8) melakukan *al-Sama'* bersama-sama ahli tarekat

Apabila tatacara ini diikuti maka *al-Sama'* dapat dicapai. Hal ini demikian kerana *al-Sama'* berkait rapat dengan peringkat perjalanan kerohanian diri seseorang. Al-Tusi (378H) mengkelaskan *al-Sama'* kepada tiga, iaitu secara fitrah (بالطبع), secara keadaan (بالحال), atau secara benar (بالحق) (Miftah, 2011: pp.70). Pengkelasan ini menyamai pengkelasan yang dilakukan oleh Ibn Arabi, iaitu secara fitrah (الطبيعي), secara kerohanian (الروحاني), dan secara ketuhanan (الإلهي) (Ibn Arabi, 1999: vol.3, pp.549).

Proses *al-Sama'* melahirkan tiga rasa, iaitu *tawajud*, *wajd*, dan *wujud*. Ketiga-tiga rasa ini berpunca daripada *al-Wajd*, iaitu kekhusyukan rohani ketika menyaksikan keagungan rahsia yang boleh menghasilkan kegembiraan atau kedukaan (Glosari, 1993: pp.275). Keadaan ini dilihat berbeza mengikut pengkelasan tersebut.

Menurut Ibn Arabi, *al-Sama'* hanya boleh dialami apabila diri benar-benar memahami semua nama dan sifat Allah. Pengetahuan ini akan menjadikan hatinya penuh dengan cinta kepada Allah lalu hatinya akan hadir ketika pelaksanaan *al-Sama'*. Ibn Arabi melarang seseorang untuk melakukan *al-Sama'* sekiranya proses itu dipenuhi dengan hawa nafsu (Ibn Arabi, 1999: vol. 3: pp.552). Larangan Ibn Arabi ini bukanlah menunjukkan beliau menolak keindahan dalam irama tetapi menekankan kepentingan ilmu dalam mengetahui peringkat *al-Sama'* sama ada ia mendengar secara fitrah, rohani atau ketuhanan.

Bagi memahami peringkat *al-Sama'* ini, Ibn Arabi meletakkan *al-Sama' al-Ilahi* (ketuhanan) sebagai peringkat yang tertinggi. Ini kerana ia merujuk kepada kemutlakan dalam mendengar, iaitu setiap kewujudan adalah kalimah Allah. *al-Sama' al-Ruhani* (kerohanian) pula

diletakkan di peringkat kedua kerana pendengaran berlaku dengan kehadiran dan kekhusyukan hati. Ibn Arabi menjelaskannya sebagai hasil daripada empat perkara, iaitu zat, tangan, pena, dan bunyi goresan pena (Miftah, 2011: pp.73). Pendengaran ini terbit dalam jiwa apabila mendengar sebarang irama. Pendengaran ini hanya dicapai melalui akal yang dibajai dengan ilmu dan makrifah ketuhanan. Dalam keadaan ini, Ibn Arabi menerima alunan nasyid yang mengarah kepada cinta Ilahi walaupun ia ditulis dalam bentuk lirik cinta sekiranya wujud khushyuk ketika pendengaran. Bagi *al-Sama' al-Tabi'i* (fitrah), ia dicapai hanya dengan mendengar sebarang irama yang dihasilkan oleh alat muzik dan penyanyi (Ibn Arabi, 1999: vol.3: pp.550). Irama ini sekadar membangkitkan rasa sedih, rindu, gembira dan selainnya dalam diri pendengar tanpa memerlukan akal atau ilmu untuk merasainya. Pendengaran pada peringkat ketiga ini dilalui oleh semua orang dan mudah terjebak dalam hasutan syaitan sekiranya tidak menjaga batasan yang ditetapkan oleh syarak (Hanafi, Shahrudin dan al-Bakri, 2013).

Melalui konsep-konsep ini, Ibn Arabi menekankan tentang pengetahuan ilmu seseorang sebelum melakukan *al-Sama'* agar selaras dengan batasan syarak untuk menjaga hati seorang muslim agar sentiasa dalam keadaan mengingati Allah. Pengetahuan ini dicapai dengan pemahaman terhadap lirik yang digunakan ketika penyampaian sesuatu lagu.

3.0 Metafora dalam Lirik Nasyid

Manusia tidak terlepas daripada menggunakan metafora dalam kehidupan harian sama ada dalam aktiviti berbahasa mahupun berfikir (Lakoff dan Johnson, 1980: 3). Contohnya, apabila seseorang dalam keadaan marah biasanya lontaran kata-kata seperti dasar anjing kurap!, otak lembu!. Kata-kata ini memberi persamaan diri seseorang dengan binatang yang tercetus secara spontan sebagai wujud ekspresi emosi dirinya.

Metafora adalah perumpamaan yang diungkapkan dengan kata *like, as, resemble* yang mengalami proses pelesapan. Metafora juga adalah perbandingan yang meneliti kemiripan antara satu objek dengan objek lain (Richards, 1936). Bagi Lakoff dan Johnson (1980), metafora difahami secara kognitif oleh manusia melalui pengalaman hidup berwahanakan bahasa. Pandangan ini dikembangkan oleh Knowles dan Moon (2004: pp.5) dengan membahagikan metafora kepada dua kategori, iaitu metafora kreatif yang digunakan oleh penutur atau penulis untuk mengekspresikan idea dan emosinya dalam ungkapan baharu berdasarkan realiti sehingga ia mudah difahami, dan metafora konvensional; metafora yang hilang sifat metaforanya kerana sering digunakan dalam kosa kata seharian.

Metafora perlu difahami secara kognitif. Lakoff dan Johnson (1980) melihat pemahaman metafora ibarat konsep *argument is war*, iaitu keadaan pihak yang berhujah untuk menyampaikan pandangannya yang masing-masing tidak mahu kalah. Misalan ini membentuk Teori Metafora Konseptual (TMK) yang melihat bahawa sumber yang bersifat konkrit digunakan oleh manusia untuk memahami konsep abstrak yang terkandung dalam sasaran, iaitu seorang manusia dapat memahami sesuatu perkara melalui proses pemahamannya terhadap perkara lain yang telah difahaminya sebelum ini. Akal manusia belajar melalui pengalaman yang diungkapkan dalam pelbagai genre penulisan sebagai ekspresi emosi penulis contohnya lirik lagu.

Penggunaan metafora dapat dilihat secara meluas dalam lirik lagu. Hal ini demikian kerana lirik lagu mengekspresikan pengalaman dalam permainan bahasa agar tercipta tarikan dan keunikan lirik yang ditulis. Permainan bahasa ini dicirikan dengan gaya vokal, gaya bahasa, penyimpangan makna kata, melodi dan susunan irama yang disesuaikan dengan lirik lagu sehingga pendengar semakin terbawa dengan apa yang ada di fikiran pencipta lagu (Awe, 2003: pp.51 dipetik dlm. Siti Aisah, 2010: pp.18).

Nasyid merupakan salah satu genre muzikal yang membawa nuansa keagamaan (Yanti, 2017). Ia biasanya dinyanyikan secara kumpulan yang mengandungi seni kata yang berunsurkan Islam (DBP, 2005). Ia telah dimulakan sejak zaman Rasulullah SAW apabila

masyarakat Yathrib menyambut ketibaan Rasulullah SAW dengan pukulan gendang dan nyanyian yang penuh dengan pujian terhadap Rasulullah SAW. Nasyid seterusnya dibawa masuk ke Tanah Melayu melalui pelajar yang telah mengikuti pembelajaran di Tanah Arab seperti Mesir, Arab Saudi, Yaman, Kuwait, dan Jordan (Sarkissian, 2005). Nasyid mengandungi kata-kata nasihat, kisah para Nabi, memuji Allah, dan selainnya dilihat menetapi batasan yang ditetapkan. Lirik-lirik yang berunsurkan ketuhanan ini sudah pastinya mempunyai metafora yang tersendiri dalam menyingkap jalan mencapai kedekatan dengan Allah SWT. Rentak nasyid yang tradisional berbentuk ala padang pasir kini lebih bersifat kontemporari seperti balada, pop rock, rap, dan sebagainya. Nasyid sekiranya dinyanyikan dengan merdu dan lembut mampu mengembirakan hati dan menggoyangkan perasaan (Yanti, 2017).

4.0 Metodologi

Bagi mengeksplorasi konsep *al-Sama'* secara umum dan pandangan Ibn Arabi terhadapnya, analisis dokumen digunakan bagi memperoleh dan meneliti data yang berkaitan dengan *al-Sama'*. Secara deskriptif definisi *al-Sama'* dibincangkan termasuk cara ia dipraktikkan dalam kehidupan ahli sufi dan perubahan yang berlaku terhadap ahli sufi itu sendiri. Seterusnya tiga nasyid dijadikan sampel kajian untuk melihat keberadaan konsep *al-Sama'*. Nasyid-nasyid yang dipilih adalah nasyid yang menjadi johan, naib johan dan tempat ketiga Anugerah Nasyid Ikim FM bagi tahun 2014, iaitu Tangis Sebatang Tamar (N¹), Seiring Sehaluan (N²), dan Kasih Padamu (N³). Nasyid-nasyid ini dianalisis melalui tiga peringkat, iaitu 1) mengenal pasti genre dan tema nasyid, 2) menganalisis metafora dalam lirik nasyid melalui prosedur pengenalan metafora oleh Pragglez Group (2007), dan 3) membandingkan kesesuaian ketiga-tiga nasyid sebagai wasilah pencapaian tiga peringkat *al-Sama'*, iaitu *al-Sama' al-Ilahi* (S¹), *al-Sama' al-Ruhani* (S²), dan *al-Sama' al-Tabi'i* (S³). Hasil dapatan ialah pemahaman pengkaji terhadap makna metafora lirik nasyid dan kesesuaiannya dalam pencapaian *al-Sama'*.

5.0 Analisis dan Perbincangan

Berbanding nasyid tradisional, nasyid kontemporari dilihat lebih mudah diminati oleh generasi sekarang (Wati, 2015) disebabkan kepelbagaian irama moden yang digunakan dan pengejalan mesej yang berunsurkan ketuhanan. Kajian mendapati sampel kajian menggunakan tempo muzik yang sederhana, iaitu *pop rock* dan balada. Irama ini lebih ringan dan lembut bersesuaian dengan lirik yang puitis. Sujatmiko dan el Ishaq (2017) mendapati bahawa alunan muzik sebegini dapat menenangkan batin dan memberikan kebahagiaan jiwa.

Secara umumnya, lirik sampel kajian membawa tema cinta. N¹ dan N³ mencitrakan rasa cinta kepada Tuhan melalui cinta kepada Rasulullah SAW dan N² pula memaparkan kasih sayang dalam persahabatan. Ketiga-tiga nasyid ini mencapai S³ dengan lirik dan lagunya yang menarik.

Lagu N¹ dimulai dengan nada lembut dan rendah bagi menjentik *mood* sedih pendengar melalui:

Sedu sedan/ Itu/ bak/ ratapan /si kecil/ Yang/ rindu /belaian/ dan /perhatian/ Yang/ mendambakan/ kasih/ dan/ sayang/ Dari/ seorang/ insan/ yang/ penyayang,

Melalui lirik ini, S³ dan S² dapat dicapai berdasarkan kata *sedu sedan*, *ratapan* dan *rindu* yang menarik pendengar untuk mula menghayati emosi penyanyi dan menjiwai kerendahan dirinya.

Kisah/ tangisan /sebatang/ tamar/ Menyentuh /hati, / mengocak/ perasaan/ Benarkah/ aku/ cinta/, benarkah/ aku/ rindu/ Sedangkan/ tak /pernah/ gugur /air mataku/ mengenangkan mu/

N¹ mencitrakan tangisan adalah cinta. Tangisan ini *menyentuh hati* dan *mengocak perasaan*. Personafikasi yang diberikan kepada tangisan sebagai satu perbuatan. Penyebab kepada sentuhan ini adalah cinta kerana cinta melahirkan tangisan yang sekaligus memberi metafora bahawa cinta itu kerinduan berdasarkan kepada kata *cinta* dan *rindu* dalam lirik lagu. Namun, ironinya individu tidak menitiskan air mata. Melalui lirik ini S² dapat dicapai apabila pendengar

merasa sesal tentang kekurangan dirinya yang menyatakan cinta tanpa pembuktian.

Betapa /kerasnya/ hatiku/ ini/Untuk /menghayati/ perjuangan/ mu/ Betapa/ angkuhnya/ diri ku/ ini/ Untuk/ menghargai / perjuangan mu/

Cinta adalah keikhlasan yang dizahirkan melalui tangisan dan air mata. Bukan cinta sekiranya tiada jiwa. Dinyatakan oleh penulis lirik melalui *kerasnya hatiku, angkuhnya diriku*. Maka dapat difahami bahawa cinta kepada Rasulullah SAW bukan sekadar sebutan di bibir tetapi memerlukan kepada pembuktian yang dimetaforakan oleh tangisan pohon tamar. Pemahaman dalam menyucikan hati dari sifat keegoan berada di peringkat S¹ dan S².

Bagi N² kefahaman terhadap nilai persahabatan seagama dapat menjana nilai keakraban manusia dengan Tuhan. Lirik N² meletakkan sahabat sebagai keluarga. Metafora ini diteliti melalui pernyataan *kita bagaikan satu keluarga*. Konsep keluarga ini dijelaskan oleh kata *senyuman, salam, mengingati, dan tak akan terpisah*. Setiap perbuatan ini merujuk kepada aktiviti yang dilakukan oleh sebuah keluarga yang bahagia yang dimodelkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

Hari/ yang/ indah/ Senyuman/ pertama/ Hurlurkan/ salam/ ukhwah/ kita/ Berpesan/ mengingati/ Dituntut/ agama/ Kita/ bagaikan/ satu/ keluarga/ Silaturrahim/ ini / tak/ akan/ terpisah/ Kita / jalinkan/ seperti / Rasulullah/ dan/ Sahabat/

Pemahaman terhadap lirik ini mampu membawa pendengar kepada S² dan S³. Apabila pendengar disajikan dengan lirik seterusnya, maka S¹ dapat dicapai kerana konsep keluarga bahagia ini ditekankan juga dengan akidah yang sama dalam laungan takbir bagi membentuk kesatuan dalam visi dan misi. Keluarga yang bahagia juga akan mengharungi segala cabaran selagi cinta yang ada didasari dengan keikhlasan kerana Allah.

Kita/ laungkan/ Allahu/ Akbar/ Allah/ Maha Besar /Seiring /sehaluan/ satu/ cita/ dan/ impian/ Susah/ dan /senang/ kita/ tempuhi/ bersama/ Bertemu/ berpisah/ kerana/ Allah/ Demi/ satu/ kejayaan/ Perlu/ pengorbanan/ Keazaman/ juga/ ketabahan/

Dalam N³, penulis lirik menekankan cinta terhadap Rasulullah SAW sehingga dimetaforakan sebagai *Azimat/ yang/ berharga*. Azimat secara literal merujuk kepada tangkal atau sesuatu yang membawa tuah dan pelindung daripada kejahatan. Azimat ini dijadikan cahaya yang *Mengubah /gelap/ Menjadi /terang/*. Gelap adalah metafora kepada keadaan yang jahil manakala *terang* adalah metafora kepada keimanan. Ketulusan cinta dalam N³ dicitrakan melalui pengorbanan. Pengorbanan yang sejati dapat melahirkan S² dan S¹.

Rasulullah/ dalam/ sirahMu/ Ku/ temu/ tulusnya/ cinta/ Demi/ umatMu/ berkorban/ jiwa/ Sehingga/hujung/nyawa/

Kata *tulusnya* disandarkan kepada perbuatan *berkorban* dan *hujung nyawa* sehingga melahirkan cinta adalah kerinduan melalui *Pabila/ terkenangMu/ mengalir/ air mataku/*. Keadaan rindu dan tangisan yang dipaparkan dalam N³ mengundang rasa penyesalan dan ingin bertaubat. Perasaan ini mencitrakan S¹ dan S² kerana permulaan bagi seorang manusia untuk menyucikan jiwa bermula dengan rasa sesalan dan ingin bertaubat.

6.0 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, peringkat *al-Sama' al-Tabi'i* secara mudahnya dicapai kerana individu sekadar menikmati lagu untuk ketenangan diri kerana muzik nasyid lebih menenangkan keadaan minda seseorang berbanding muzik rock (Kadir etl., 2010), dan nada lembut yang rendah cenderung diterima oleh telinga untuk disampaikan ke otak (Sujatmiko dan el Ishaq, 2017). Bagi peringkat *al-Sama' al-Ruhani* dan *al-Sama' al-Ilahi*, pendengar perlu memahami metafora dalam lirik lagu. Bagi mendapatkan impak yang tinggi dalam proses ini, pendengar perlu menyesuaikan diri dengan turun naik nada irama yang disesuaikan dengan lirik agar dapat mengolah *mood* (Nguyen dan Grahn, 2017) yang melahirkan *al-Wajd*, seterusnya mencapai peringkat *al-Sama' al-Ilahi*.

Memahami metafora merupakan satu cabaran, namun melalui metafora konseptual individu mampu menjalinkan pengalaman hidupnya dengan ilmu yang dimiliki untuk lebih memahami ungkapan-ungkapan nasyid. Bagi mencapai pemahaman ini, tatacara yang disyorkan oleh Ibn Arabi boleh dijadikan ikutan.

Oleh itu, kajian ini melihat bahawa nasyid kontemporari yang disertai dengan kefahaman terhadap makna metafora dapat dijadikan wasilah dalam pencapaian *al-Sama'* di samping kesediaan dan persekitaran pendengar yang turut memberikan kesan terhadapnya.

7.0 Rujukan

al-Quran al-Karim

DBP, 2005. *Kamus Dewan*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Glosari Istilah Usuluddin dan Tasawuf, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hanafi, L.H., Shaharuddin, R.R.R. and Al-Bakri, Z.M., 2013. Hiburan: Muzik, nyanyian, nasyid menurut perspektif fiqh dan fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, [e-journal] 3, pp.83-108. <http://dx.doi.org/10.12816/0008151>.

Ibn Arabi, Mahyuddin Muhammad bin Ali, 1999. *Al-Futuhat al-Makkiyyah*. Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Kadir, R.S.S.A., Ghazali, M.H., Murat, Z.H., Taib, M.N., Rahman, H.A. and Aris, S.A.M., 2010. The preliminary study on the effect of nasyid music and rock music on brainwave signal using EEG. In: *Engineering Education (ICEED), 2nd International Congress*. Kuala Lumpur, Malaysia, 8-9 December 2010. (pp. 58-63). Kuala Lumpur: IEEE.

Knowles, M. and Moon, R., 2004. *Introducing metaphor*. Routledge.

Lakoff, G. and Johnson, M., 1980. Conceptual metaphor in everyday language. *The Journal of Philosophy*, 77(8): 453-486.

Miftah, Abdul Baqi, 2011. *Researches on Ibn Arabi's Works and Concepts*. Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Mohammadi, A.S.M., 2017. A study on the role of Sama in literary-mystical texts. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*, [e-journal] 9(1S), pp.366-382. <http://dx.doi.org/10.4314/jfas.v9i1s.697>

Nguyen, T., & Grahn, J. A., 2017. Mind your music: The effects of music-induced mood and arousal across different memory tasks. *Psychomusicology: Music, Mind, and Brain*, 27(2), 81-94. <http://dx.doi.org/10.1037/pmu0000178>.

Revandhika Maulana, 2017. *Representasi jihad dalam lirik lagu Purgatory-Downfall: The battle of Uhud*. Ph.D. Universitas Sultan Ageng Tirtayasa Serang. Available at: <<http://kom.fisip-untirta.ac.id/>> [Accessed 09.11.2017].

Richards, I. A., 1936. *The Philosophy of Rethoric*. New York: Oxford University Press.

Sarkissian, M., 2005. " Religion never had it so good": Contemporary nasyid and the growth of Islamic popular music in Malaysia. *Yearbook for traditional music*, [e-journal] 37, pp.124-152.

Available through: Universiti Teknologi Malaysia Library website <<http://library.utm.my/>> [Accessed 29 October 2017].

al-Sharqawi, Hasan., 1987. *Mu'jam alfāz al-Sūfiyyah*. Kaherah: Muassasah Mukhtar.

Siti Aisah, 2010. *Metafora dalam lagu Iwan Fals yang bertemakan kritik sosial*. Tesis Sarjana. Universitas Indonesia. Available at: http://www.academia.edu/download/32169732/digital_20251418-RB00S200m [Accessed 09.11.2017].

Sujatmiko, B. and el Ishaq, R., 2017. Pesan dakwah dalam lagu "Bila Tiba". *KOMUNIKA*, 9(2), pp.181-195.

Upadhyay, D.K., Shukla, R., Tripathi, V.N. and Agrawal, M., 2017. Exploring the nature of music engagement and its relation to personality among young adults. *International Journal of Adolescence and Youth*, pp.1-13.

Wati, E., 2015. Musical piety: Representation of Islam in Southeast Asia's nasyid boy-band music. *Journal of Culture, Arts, Literature, and Linguistics (CaLLs)*, 1(1), pp.19-26.

Wright, Owen (2004). The Sight of Sound. *Muqarnas*, [e-journal], 21: 359-371. Available through: Universiti Teknologi Malaysia Library website <http://library.utm.my/> [Accessed 29 October 2017].

Yanti, F., 2017. Komunikasi dakwah dalam kesenian nasyid. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi*, [e-journal] 12(2), pp.211-236. <https://doi.org/10.24239/al-mishbah.Vol.12.Iss2.71>.

Yusof, A. and Bidin, A., 2008. Perkembangan seni muzik dalam peradaban Islam di Nusantara. *Journal of Al-Tamaddun*, 3, pp.48-67.